Atur Cara

2.30 petang
- Pendaftaran
- Ketibaan jemputan

3.00 petang
- Ketibaan Ketua Pengarah MARDI dan barisan JPKM serta pembentang syarahan
- Nyanyian lagu oleh Koir MARDI
  - Negaraku
  - Lagu Pemimpin Agroteknologi
- Bacaan doa
- Sesi memperkenalkan pembentang
- Pembentangan oleh Dr. Rozhan Abu Dardak

  Tajuk **"Merekayasa Pertumbuhan Sektor Pertanian untuk Meningkatkan Kemakmuran Negara melalui Inovasi dan Teknologi"**

4.30 petang
- Minum petang/bersurai

Reka bentuk dan dicetak oleh:
Program Penerbitan & Pengurusan Ilmu
• Januari 2016

Majlis SYARAHAN PERDANA MARDI



Dr. Rozhan Abu Dardak
Pusat Penyelidikan Ekonomi dan Sains Sosial

19 Januari 2016 (Selasa)
Ibu Pejabat MARDI, Serdang

Merekayasa Pertumbuhan Sektor Pertanian untuk Meningkatkan Kemakmuran Negara melalui Inovasi dan Teknologi

Profil



Dr. Rozhan Abu Dardak
Dilahirkan pada 1 Mac 1959 di Batu Pahat, Johor

Pendidikan:

Sekolah Rendah dan Menengah
- Sekolah Kebangsaan Pintas Puding, Parit Raja, Batu Pahat (1966 – 1971)
- Sekolah Tun Ismail, Parit Raja, Batu Pahat (1972 – 1974)
- Sekolah Menengah Sains Johor, Kluang (1975 – 1976)

Institusi Pengajian Tinggi
- Diploma Pertanian, Universiti Pertanian Malaysia (1977 – 1980)
- Ijazah Sains Ekonomi Sumber, Universiti Pertanian Malaysia (1983 – 1986)
- Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Perdagangan Antarabangsa), Birmingham Business School (1996 – 1998)
- Doktor Pentadbiran Perniagaan (Pemasaran), UKM-Graduate School of Business (2007 – 2012)

Pengalaman Kerja dan Pencapaian

Dr Rozhan Abu Dardak memulakan kerjaya sebagai Pegawai Tadbir pada 16 Februari 1988 di Cawangan Perjawatan, MARDI Serdang. Beliau telah bertugas di pelbagai cawangan dan diberi tanggungjwab dalam melaksanakan tugas pengurusan dan operasi dalam bidang perancangan sumber manusia, pelantikan staf, latihan dalam perkhidmatan, belanjawan mengurus dan pembangunan, pengurusan harta, khidmat pengurusan dan pengurusan kualiti.

Dalam tahun 1996 Dr Rozhan telah melanjutkan pengajian di peringkat Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Perdagangan Antarabangsa) di Birmingham Business School, England. Beliau telah menerima Anugerah Kecemerlangan Pelajaran daripada Universiti Birmingham, England. Sekembalinya Ke MARDI, Dr Rozhan kembali bertugas sebagai Pegawai Tadbir. Pada 2002, beliau dilantik sebagai Timbalan Pengarah (Komunikasi dan Perhubungan Korporat) atau lebih dikenali sebagai Pegawai Perhubungan Awam.

Menyedari potensi diri dan peluang peningkatan kerjaya terbatas pada waktu itu membuatkan Dr Rozhan menukar kerjaya kepada Pegawai Penyelidik di Pusat Penyelidikan Ekonomi dan Pengurusan Teknologi pada 16 April 2003. Kajian pertama yang dijalankan oleh Dr Rozhan ialah “Consumer preferences towards durian in Malaysia”.

Memandangkan pada masa tersebut tiada buletin khusus untuk menerbitkan hasil kajian Pusat ES, beliau telah mengambil inisiatif menerbitkan ***Economic and Technology Management Review*** pada 2006. Beliau adalah Setiausaha Jawatankuasa Pengarang yang pertama buletin tersebut. Sehingga kini sebanyak 10 siri telah diterbitkan.

Dr Rozhan sangat aktif menjalankan kajian dalam bidang pemasaran dan daya saing industri pertanian, di dalam dan luar negara. Beliau juga banyak mencurahkan idea dan terlibat dalam penggubalan dasar di peringkat Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, seperti Dasar Agromakanan Negara (2011 – 2020). Beliau adalah ahli jawatan kuasa Pemandu Kajian Sosioekonomi, ahli jawatankuasa strategi pemasaran produk pertanian di pasaran antarabangsa di Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani serta ahli jawatankuasa pemasaran produk pertanian dan industri asas tani di pasar raya asing di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan.

Kini, Dr Rozhan memegang jawatan sebagai Pengarah Pusat Penyelidikan Ekonomi dan Sains Sosial sejak November 2014.

Penerbitan

Sehingga kini beliau telah menghasilkan lebih 130 artikel yang diterbitkan dalam jurnal tempatan dan antarabangsa, majalah dan buletin. Beliau juga menjadi editor kepada enam buah buku dan tujuh bab dalam buku. Beliau ialah Ketua Pengarang *Economic and Technology Management Review* dan menjadi penyemak artikel bagi beberapa jurnal antarabangsa seperti *British Food Science Journal, Iran Science and Technology Journal*. Beliau juga aktif membentangkan kertas kerja di seminar di dalam dan luar negara, kebanyakannya dalam bidang pemasaran, inovasi dan pemindahan teknologi.

Tanggungjawab Lain

Dr Rozhan juga sangat aktif dalam aktiviti sukan dan sosial. Pada masa ini beliau ialah Naib Yang Dipertua Badan Kebajikan dan Sukan MARDI Malaysia (BKSM), Naib Presiden Majlis Kebajikan dan Sukan Kakitangan Awam (MAKSAK) Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan Ahli Jawatankuasa Persatuan Ekonomi Pertanian Malaysia (PETA).

Anugerah

Atas dedikasi dalam perkhidmatan, Dr Rozhan telah dianugerahkan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang MARDI pada 2006 dan 2012.

Merekayasa Pertumbuhan Sektor Pertanian untuk Meningkatkan Kemakmuran Negara melalui Inovasi dan Teknologi

(Re-engineering Agriculture Sector Growth for Nation’s Greater Prosperity through Innovation and Technology)

Sektor pertanian merupakan tunggak pembangunan ekonomi negara. Dalam tahun 2014, sektor ini menyumbang lebih RM93.52 bilion kepada KDNK Negara, menyediakan pekerjaan kepada lebih1.35 juta orang dan menjana lebih RM106.21 bilion daripada pengeksportan bahan makanan, input pertanian dan keperluan pertanian yang lain. Namun begitu pertumbuhan sektor ini semakin perlahan berbanding dengan sektor-sektor lain. Sektor ini berkembang 2.7% pada tahun 2013, berbanding dengan 5.8% (2011). Banyak isu yang mendepani sektor pertanian dan mengekang pertumbuhannya. Kawasan tanah untuk tanaman yang semakin terbatas, produktiviti dan kualiti hasil pertanian yang rendah dan kos pengeluaran yang terus meningkat merupakan isu dan cabaran utama sektor ini.

Satu daripada faktor penting yang boleh meningkatkan produktiviti sektor pertanian ialah inovasi dan teknologi. MARDI diberi mandat membangun dan memindahkan inovasi dan teknologi yang berupaya memacu sektor pertanian negara. Dalam RMKe-10 (2011 – 2015), sebanyak 2,308 projek penyelidikan telah dilaksanakan dalam pelbagai bidang seperti bioteknologi, hortikultur, padi, ternakan, herba, pemprosesan makanan, kejuruteraan dan mekanisasi ladang dan sosioekonomi. Pada akhir Rancangan Pembangunan ini, sebanyak 146 teknologi telah berjaya dibangunkan dan 485 pengetahuan baru telah dihasilkan. Daripada bilangan teknologi yang dibangunkan tersebut 146 teknologi atau 31% telah lengkap dan bersedia untuk mendepani cabaran sektor pertanian negara. Sebanyak 19.15% teknologi yang dibangunkan adalah berkait dengan input pertanian seperti pengeluaran baja dan racun perosak, 18.44% pembangunan produk makanan, 17.73% instrumen pemprosesan makanan, 11.35% instrumen dan jentera ladang, 9.93% teknologi lepas tuai dan 7.1% pembungkusan hijau. Teknologi yang dihasilkan bermatlamat menyelesaikan masalah penyakit dan serangan serangga perosak, meningkatkan kecekapan pengeluaran dan meningkatkan kualiti produk yang dihasilkan. Inovasi dan teknologi dibangunkan bagi memenuhi keperluan dan permintaan sebenar pemain industri, petani dan usahawan.

Teknologi yang dibangunkan oleh pegawai penyelidik mempunyai nilai harta intelek yang tinggi. Dalam RMKe-10 sebanyak 74 harta intelek dengan pecahan perlindungan varieti tanaman (24.3%), inovasi utiliti (9.4%), reka bentuk industri (8.1%), rahsia perdagangan (29.7%), trademark (17.6%) dan paten (10.8%) telah difail dan didaftarkan di MyIPO. Harta Intelek ini merupakan sumber kekayaan baru kepada usahawan. Teknologi ini mempunyai nilai komersial dan perniagaan yang boleh menjana kekayaan kepada golongan usahawan. Dalam masa yang sama, MARDI juga memindahkan teknologi kepada golongan petani, penternak dan pengusaha industri makanan bagi memperkasakan sektor pertanian dan industri asas tani.

Teknologi yang dihasilkan MARDI dalam RMKe-10 mempunyai potensi nilai ekonomi berjumlah lebih RM3.5 bilion. Teknologi yang dihasilkan berupaya menyumbang kepada kemakmuran rakyat dan menjana ekonomi negara melalui peningkatan hasil pengeluaran, mengurangkan kehilangan hasil kesan daripada serangan penyakit dan perosak, pembangunan produk baru, meningkatkan nilai sosial kesan daripada perubahan cuaca dan alam sekitar, pewujudan peluang perniagaan baru dan pekerjaan kepada masyarakat. Teknologi ini juga membantu memakmurkan sosioekonomi petani, menjamin bekalan makanan, memperkukuh pendapatan negara daripada pertukaran wang asing dan yang paling penting, menyumbang kepada pertumbuhan sektor pertanian negara.